

D181

U B026 AAB
MAHATHIR - MESYUARAT
(I)

KUALA LUMPUR, 22 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA NEGARA-NEGARA ANGGOTA BANGSA-BANGSA BERSATU MENINGKATKAN USAHA MENGHAPUSKAN PENYALAHGUNAAN DADAH PADA SEMUA PERINGKAT DARIPADA PERINGKAT PENGELUARAN HINGGA KE PERINGKAT MERAWATI DAN MEMULIHKAN PENAGIH.

+TIDAK ADA SEBUAH NEGARA BOLEH MEMERANGI DADAH DENGAN BERKESAN SECARA BERSENDIRIAN. MASALAH INI MERENTASI SEGALA SEMPADAN KEBANGSAAN, DAN SETIAP NEGARA DAN AGENSI HENDAKLAH BEKERJASAMA DAN MENYELARASKAN LANGKAH PEMBASMIAN MEREKA,+ KATANYA.

BELIAU BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT KUMPULAN PAKAR BANGSA-BAGNSA BERSATU MENGENAI KAEDAH YANG DIPERAKUKAN BAGI UJUAN GANJA DAN ANALISIS AMPHETAMINE-METHAMPHETAMINE DI SINI.

PAKAR-PAKAR FORENSIK DARI ENAM BELAS NEGARA TERMASUK JEPUN, AMERIKA SYARIKAT, UNITED KINGDOM, JERMAN BARAT DAN MALAYSIA MEGNHADIRI MESYUARAT LIMA HARI ITU. - LAGI
1403MST 22 09 86

D184

U B029 AAB
MAHATHIR - MESYUARAT 2 KUALA LUMPUR
(I)

PERDANA MENGERI BERKATA MUDARAT DADAH DI KEBANYAKAN NEGARA TELAH MENJADI AMAT TERUK. OLEH ITU MESTILAH WUJUD KOMITMENTⁿ YANG TOTAL DARIPADA PERINGKAT POLITIK YANG TERTINGGI UNTUK MENGHAPUSKAN MUDARAT INI.

BELIAU BERKATA DI MALAYSIA DADAH DIANGGAP SEBAGAI ANCAMAN TERHADAP KESELAMATAN DAN KERAJAAN TELAH BERIKRAR UNTUK MENENTANGNYA DENGAN SEGALA SUMBER YANG ADA PADANYA.

KATANYA, STRUKUTUR SOSIAL SELURUHNYA AKAN MUSNAH JIKA SALAHGUNA DADAH TIDAK DISEKAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAGI MEMERANGI DADAH KERAJAAN TELAH MERANGKA RANCANGAN TINDAKAN NARKOTIK KEBANGSAAN.

+STRATEGI KITA SEKARANG IALAH MENITIKBERATKAN PENCEGAHAN ASAS SAMBIL MENGEKALKAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG KAMI YANG AGRESIF,+ KATANYA. - LAGI
1425MST 22 09 86

D196

U B034 AAB
MAHATHIR - MESYUARAT 3 KUALA LUMPUR

(I)

TUJUANNYA UNTUK MENYEMAI SIKAP MENOLAK DADAH SECARA TOTAL DI KALANGAN BELIA SEBAGAI MAKSIAH YANG PALING BURUK, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

USAHA PENCEGAHAN, KATANYA, MUNGKIN TIDAK MENDATANGKAN KESAN SEGERA TETAPI DENGAN BANTUAN DAN PENGLIBATAN SEMUA SEKTOR DALAM MASYARAKAT, INI AKAN BERKESAN JUGA SELEPAS JANGKA MASA YANG LAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAGI MENYOKONG PENGUATKUASAAN DAN LANGKAH PENCEGAHAN, KERAJAAN TELAH MELAKSANAKAN UNDANG-UNDANG DADAH DENGAN TEGAS.

PERDANA MENTERI MENGULANGI BAHAWA MALAYSIA TIDAK PERLU MEMINTA MAAF KERANA UNDANG-UNDANG DADAHNYA YANG KETAT OLEH KERANA IA MENGANGGAP HUKUMAN MATI BUKAN SAJA SEBAGAI FAKTOR PENGHALANG TETAPI JUGA SEBAGAI HUKUMAN YANG SETIMPAL BAGI PENJENAYAH DADAH YANG BELIAU SIFATKAN LEBIH BURUK DARIPADA PEMBUNUH.

+MEREKA SENGAJA MENYEBAR PENDERITAAN DAN MAUT DALAM KEGHAIRAHAN MENCARI KEKAKAYAAN. KAMI AKAN TERUS MENGGANTUNG MEREKA SEHINGGA TIDAK ADA SEORANGPUN TINGGAL YANG INGIN MENCARI UNTUNG DARI JENAYAH YANG JAHAT INI,+ TEGAS BELIAU. -- LAGI.

1453MST 22 09 86

D216

U B043 AAB
MAHATHIR - MESYUARAT 4 KUALA LUMPUR

(I)

PERDANA MENTERI BERHARAP PADA MASA AKAN DATANG MASYARAKAT ANTARABANGSA MENCAPAI PERSETUJUAN TERHADAP PENYERAGAMAN TAKRIF DADAH BAGI MELIPUTI SEMUA JENIS DADAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TAKRIF YANG TERHAD TERHADAP DADAH MENYEBABKAN PENYALAHGUNAAN DADAH DARIPADA SUMBER LAIN TIDAK TERTAKLUK MENGIKUT BIDANG KUASA UNDANG-UNDANG.

KATANYA, DI MALAYSIA, PENGGUNAAN GANJA OLEH PENAGIH SEMAKIN MENINGKAT DAN PENYALAHGUNAAN PIL +AMPHETAMINES+ MUNGKIN MENIMBULKAN ANCAMAN PADA MASA DEPAN KERANA BEKALAN HEROIN BERKURANGAN AKIBAT LANGKAH-LANGKAH KETAT PENGUATKUASAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA MESYUARAT AMATLAH PENTING UNTUK MEMASTIKAN PENYALURAN BEBAS MAKLUMAT DAN PERTUKARAN CADANGAN KE ARAH PENYERAGAMAN ANALISIS, KAEDAH SERTA TAKRIF DADAH.

BELIAU MENAWARKAN BANTUAN KEPAKARAN KEPADA NEGARA-NEGARA ANGGOTA BANGSA-BANGSA BERSATU DAN MENYERU NEGARA-NEGARA JIRAN BERKONGSI PENGALAMAN DAN KEPAKARAN YANG DIPEROLEH OLEH PAKAR FORENSIK MALAYSIA DENGAN MENGADAKAN KURSUS ATAU BENGKEL SERANTAU DENGAN KERJASAMA BADAN-BADAN BANGSA-BANGSA BERSATU YANG BERKAITAN.

MESYUARAT DIANJURKAN BERSAMA OLEH BAHAGIAN NARKOTIK BANGSA-BANGSA BERSATU DAN PASUKAN PERTUGAS ANTI-DADAH MAJLIS KESELAMATAN NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI. -- BERNAMA.

1546MST 22 09 86